



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 6/2024

PROGRAM KEMBARA JUMPA ORANG MUDA (JOM): PLATFORM MENDAPATKAN MAKLUM BALAS DAN PANDANGAN TERHADAP PELAN TRANSISI KEPIMPINAN BELIA

1. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir ke sesi libat urus Pelan Transisi Kepimpinan Belia bersempena dengan penganjuran program Kembara Jumpa Orang Muda (JOM) Peringkat Negeri Sembilan bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Paroi hari ini.
2. Kembara JOM merupakan sebuah inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) bagi membolehkan pemegang taruh belia menyampaikan maklum balas dan pandangan terhadap draf Pelan Transisi Kepimpinan Belia secara terus kepada kepimpinan tertinggi KBS.
3. Maklum balas dan pandangan yang diterima ini akan digunakan untuk memuktamadkan pelan tersebut yang bakal menjadi pemacu pelaksanaan pindaan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668].
4. Antara kandungan utama kepada pindaan Akta 668 adalah merangkumi penurunan definisi had umur belia kepada 30 tahun, penetapan had umur ketua ataupun pemegang jawatan pertubuhan belia iaitu 18 hingga 30 tahun dan mengehadkan tempoh ketua pertubuhan belia selama empat (4) tahun. Pindaan Akta 668 telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2019 dan akan berkuat kuasa 1 Januari 2026.
5. Sehubungan itu, Kembara JOM merupakan platform terbaik bagi pemegang taruh belia:
 - 5.1 mendapatkan maklum balas dan pandangan tentang pelan transisi kepimpinan belia;

- 5.2 meningkatkan **pengetahuan dan pemahaman** berkaitan Akta 668 dan pindaan 2019;
 - 5.3 meningkatkan **pengetahuan dan pemahaman** mengenai hala tuju belia dan kepimpinan belia negara; dan
 - 5.4 mendapatkan maklumat terkini untuk merangka program dan aktiviti pembangunan belia yang menyeluruh, inklusif dan komprehensif.
6. Antara **pengisian aktiviti di bawah Kembara JOM** adalah taklimat oleh ROY, aktiviti Rakan Muda dan pameran reruai oleh jabatan/ agensi kerajaan.
 7. Pelaksanaan Kembara JOM ini juga menzahirkan hasrat Kerajaan Madani dalam memperkasakan pembangunan belia seiring dengan hasrat dan aspirasi dalam kerangka **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM 2030)**.
 8. Program turut dihadiri oleh **Ketua Pengarah JBSN, YBhg. Tuan Mohd Azhari Mohammad** dan **Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Encik Zul Fadhli Abd Aziz**.
 9. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran Kembara JOM, sila hubungi **JBSN** melalui talian **03-8871 3744** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

25 Februari 2024